

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 APRIL 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11

Bah: Landasan ECRL dibina tinggi

Bah: Landasan ECRL dibina tinggi

Kuala Terengganu: Projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijadualkan siap pada Disember 2026 dibina lebih tinggi daripada paras banjir bagi memastikan ia bebas daripada bencana alam itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, selain pembinaan struktur yang lebih tinggi, reka bentuk jajaran itu dibina berdasarkan kala purata ulangan (*average recurrence interval-ARI*) 100 tahun.

“Dalam reka bentuk, kita sudah mengenal pasti beberapa lokasi (banjir) bukan sahaja di Terengganu, tetapi di keseluruhan jajaran ECRL ini (dan) sebab itu reka bentuk yang kita buat berdasarkan ARI 100 tahun dan kita tambah 20 peratus.

“Ia bagi memastikan supaya landasan yang kita bina itu adalah landasan yang lebih tinggi daripada paras banjir yang tertinggi dalam tempoh 100 tahun (dan) ditambah lagi 20 peratus, Insya-Allah, jajaran dibina di atas paras banjir yang paling tinggi sebelum ini.

“Saya boleh ambil contoh di Pahang, Sungai Pahang umpamanya kalau mengikut statistik ketinggian paras banjir adalah 38 meter (m) (dan) landasan yang kita bina ialah setinggi 51.2 m.

“Ini antara salah satu contoh yang saya boleh kongsikan, maksudnya daripada segi jajaran, kita memang (bina) lebih daripada paras banjir yang berlaku sepanjang tempoh 100 tahun dan kita tambah lagi 20 peratus,” katanya.